

**IMPAK KESUKARELAWANAN DALAM KALANGAN BELIA DI  
KUALA LUMPUR: SATU KAJIAN****Azrina Mazlin Alias\* & Vishalache Balakrishnan (PhD)**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

\*azrina\_mazlin@yahoo.com

**ABSTRACT**

*National Youth Development Policy 1997 focuses on the importance of shaping youth in Malaysia to acquire volunteerism spirit. Other than that, youth are considered the main agents in upholding the social, economy and politics of a certain nation. Based on a qualitative research using case studies, it has been identified that exposure to volunteerism among youth in Kuala Lumpur has an important role in building ideal youth. Volunteerism also provides a positive value system and noble character to deliver ideal youth models in making the National Youth Development Policy a reality. However, the six respondents between the age of 20 to 36 who were interviewed had their own motivational development when it comes to exposure, involvement and experience in volunteerism. These were based on their own opinions, realization, capability, knowledge and values within them.*

**Keywords:** case studies, volunteerism, involvement, impact, ideal youth

**Acknowledgment:** This research was funded by the grant of MyBrain15, the Ministry of Higher Education

## PENDAHULUAN

Kesukarelawan di Malaysia muncul akibat kebangkitan masyarakat menentang kuasa penjajah pada tahun 1940 (Hussain, 1986). Kemudian kesukarelawan dengan jelas menjadi salah satu agenda yang dikemukakan dalam kertas cadangan Dasar Belia Negara sekitar tahun 1970-an, malahan ia menjadi salah satu agenda dalam penubuhan Majlis Belia Malaysia pada tahun 1948 (Azimi Hamzah & Turiman Suandi, 1994). Menerusi Dasar Belia Malaysia, kesukarelawan diberi penekanan sebagai keperluan untuk melahirkan modal insan yang berbakat dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan di semua peringkat kehidupan (Norshafawati, 2014). Pada tanggal 17 Disember 1985, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan resolusi 40/212 yang telah menetapkan dan mengisytiharkan 5 Disember setiap tahun disambut sebagai Hari Sukarelawan Antarabangsa (International Volunteer Day) (Ahmad Fauzi Mustafa, 2015). Hari Sukarelawan Antarabangsa disambut sebagai mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh semua sukarelawan dalam menjayakan pelbagai program dan bantuan kemasyarakatan di seluruh dunia (Zakariah Md. Sam, 2009, h.1).

Amalan kesukarelawan mempunyai potensi yang besar untuk membawa masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ke arah kesejahteraan hidup bersama. Konflik dalam masyarakat atau sesuatu komuniti serta keselamatan dalaman sesebuah negara seharusnya ditangani bersama daripada pelbagai pihak berkuasa bersama masyarakat dengan menggalas tanggungjawab sebagai sukarelawan. Misalnya, usaha untuk membangunkan komuniti yang memerlukan serta golongan yang dipinggirkan akibat prejudis dan stigma negatif seperti golongan yang menghadapi kecelaruan jantina dan pesakit *Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)/ Human Immunodeficiency Virus (HIV)* (Hussain & Mohd Arshad, 2012).

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2014, sejumlah 13.3 juta orang atau 44 peratus daripada 30,332,995 orang penduduk di Malaysia adalah mereka yang digolongkan dalam usia belia iaitu berusia 15 tahun hingga 39 tahun (Mohd Rizal, 2014). Belia mempunyai peranan serta kepentingannya tersendiri dalam usaha untuk membangunkan masyarakat dan negara. Belia sebagai pemimpin masa kini dan masa hadapan mesti bergerak dalam kematangan, keupayaan dan motivasi yang lebih positif dan efektif dalam komitmen yang lebih kukuh (Aziz Deraman, 1984, h. 21). Kekuatan keperibadian unggul akan terbina dengan penglibatan aktif belia dalam aktiviti sosial dan kesukarelawan. Malah Wilson (2000) turut bersependapat bahawa semangat kesukarelawan adalah antara nilai teras yang perlu ada dan harus disemai dalam kalangan generasi muda kerana golongan inilah yang akan menentukan kemajuan atau kemunduran sesebuah negara.

Saifuddin Abdullah (2001) berpendapat bahawa penglibatan dalam kesukarelawan membuka peluang kepada golongan belia untuk mengembangkan potensi diri seperti kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah, bekerjasama serta membantu untuk mengembangkan peluang dalam bidang kerjaya selain dapat menghindar serta membendung terjebak dalam tingkah laku anti-sosial dan membimbing serta memulihkan pesalah juvana (Brewis, Hill & Stevens, 2010; Hill & Russell, 2009). Azizan Bahari (2014), bahawa potensi dan kesesuaian pendekatan dan kaedah kerja komuniti digunakan atau diadaptasi oleh pihak kerajaan, gerakan belia, pertubuhan sukarela, media, institusi agama dan komuniti setempat bagi membantu masyarakat menangani permasalahan sosial yang melibatkan belia.

Menurut kajian The National Youth Agency (2006), mendapati kerja sukarela jelas menyokong bukti kajian literatur yang menyatakan belia boleh dan dapat meningkatkan keyakinan serta harga diri, nilai bertanggungjawab, merasa berkepentingan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan yang dibantu, membangunkan pelbagai kemahiran komunikasi, sikap kepimpinan, kerjasama, daya penyelesaian masalah/konflik, mengembalikan semula keyakinan terhadap pembelajaran dan kehidupan kerana proses kerja sukarela memerlukan perancangan rapi dalam aspek masa dan

hubungan dengan orang sekeliling serta meningkatkan keupayaan dan potensi untuk terus bekerja dengan masyarakat.

Tetapi menerusi Kajian World Giving Index 2012 oleh Charities Aid Foundation pula menyatakan masih terlalu banyak usaha perlu dilakukan untuk menjadikan kesukarelawanan sebagai teras kehidupan rakyat Malaysia, kerana Malaysia kini berada pada kedudukan ke-76 berbanding 160 negara yang dikaji daripada aspek kesanggupan meluangkan masa untuk melibatkan diri dalam kesukarelawanan, memberikan bantuan kewangan kepada orang lain dan bersedia untuk membantu bukan warganegara Malaysia (Wang & Ashcraft, 2014). Namun Azizan Bahari (2011) menyatakan bahawa rata-rata keahlian dalam pertubuhan formal dan penyertaan belia dalam kerja sukarela diukur dalam bentuk kuantiti sebagai petanda (*indicator*) dan ukuran (*measurement*) keaktifan dan kerancakan belia dalam organisasi kesukarelawanan bukan daripada aspek kualiti dan komitmen yang berterusan.

Usaha dalam pembangunan belia di Malaysia harus dikaji semula (Syed Arabi et al., 2007) dan bukannya hanya mengikut kehendak dan minat sesetengah individu atau kelompok tertentu kerana pembangunan belia begitu sensitif dengan perubahan orientasi dalam sesebuah masyarakat. Fasiliti, kemampuan, hak dan privasi untuk diri dan keluarga adalah keutamaan dalam masyarakat hari ini. Selain itu perlu diperingatkan bahawa lain orang, lain pula minat mereka dalam kerja sukarela kerana faktor budaya serta cara hidup. Setiap orang yang ingin menjadi sukarelawan mempunyai matlamat mereka sendiri; kerana ada yang melibatkan diri dalam kesukarelawanan kerana mereka merupakan golongan yang pernah dibantu suatu ketika dahulu.

Maka, tajuk kajian ini diketengahkan selaras dengan pernyataan Jasmin Arif Shah et al. (2015) yang menyatakan kajian lanjutan berkenaan idea penglibatan belia dan kesan sukarela kepada sukarelawan perlu diketengahkan terutamanya di Malaysia. Delgado (2002), juga menegaskan pengkaji seharusnya memberi tumpuan terhadap proses dan kesan pembangunan belia positif bagi memahami keperluan dan kehendak belia terutamanya untuk mewujudkan persaingan yang sihat dalam melahirkan generasi pemimpin akan datang yang lebih cemerlang. Perkongsian dalam pembangunan belia positif akan melihat golongan belia sebagai sumber pembangunan dalam komuniti berasaskan kekuatan serta kemampuan yang mereka miliki, berbanding perspektif kajian dan penilaian yang gemar melihat belia sebagai golongan yang sinonim sebagai golongan yang dilabelkan sebagai pembawa masalah.

Terdapat kekurangan penyelidikan yang melakukan penilaian penuh berkaitan kesan kerja sukarela (NatCen et al., 2011). Azizan Bahari (2010, 2011) menambah keadaan ini berlaku kerana tiada perkembangan yang memuaskan terhadap kesukarelawanan kerana kesan dan implikasinya masih kurang difahami. Pengkaji merasakan suatu kajian yang lebih khusus perlu dilakukan untuk memahami kesukarelawanan dalam kalangan belia terutamanya di Kuala Lumpur dan berharap kajian ini mungkin dapat menyumbang sesuatu dalam kajian ilmiah terhadap kesukarelawanan di Malaysia kelak serta membangkitkan kesedaran terhadap golongan belia terhadap keperluan serta kepentingan penglibatan mereka dalam kesukarelawanan.

## PENYATAAN MASALAH

Pada awal tahun 2000, pelbagai pertubuhan, kumpulan serta individu sukarelawan dinobatkan dalam kesukarelawanan namun ia tidak kekal lama (Azizan Bahari, 2010). Menurut Azizan Bahari (2016) lagi, aktiviti sukarela di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu sukarelawan jangka masa pendek iaitu mereka yang melakukan kerja sukarela secara sekala (*one-off*) dalam jangka masa yang pendek dan sukarelawan yang melakukan kerja sukarela secara konsisten dalam jangka masa yang panjang yang berterusan di mana kesukarelawanan itu dianggap sebagai suatu tugas. Menurut Azizan Bahari (2009) dan Faedah Yunus (2006), sukarelawan mempunyai tanggungjawab yang besar dan berat

sekiranya berkhidmat di bawah naungan pertubuhan atau agensi, segala dasar dan polisi harus dipatuhi serta menghormati privasi pihak-pihak tertentu terutamanya klien yang perlu dilindungi. Maka, sesetengah organisasi mengenakan syarat yang ketat dalam proses pengambilan sukarelawan.

Dapatan kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2013) dan Majlis Belia Malaysia (2010) menyatakan hanya sebanyak 27.1 peratus belia yang menghayati kepentingan untuk melibatkan diri dalam kesukarelawanan. Dzuhailmi Dahalan et al. (2014) pula menambah bahawa penglibatan belia dalam kesukarelawanan di institusi keagamaan di Malaysia juga masih berada di tahap rendah. Semangat sukarelawan nampaknya menurun dan ini mungkin disebabkan oleh pembangunan dan pemodenan mengakibatkan manusia hanya memikirkan tentang hidup sendiri sahaja (Danny Wong, 2011). Penglibatan dalam kesukarelawanan bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor ajaran agama sahaja tetapi juga pengaruh budaya, sejarah dan politik sesebuah negara atau kawasan geografi (Salamon & Helmut, 1992). Siti Hawa Ali (2002) juga telah mengkritik orang ramai dan pihak berkuasa Malaysia berkenaan dengan pembangunan sosial yang tidak mengiktiraf kepentingan sektor sukarela sebagai salah satu cara untuk membangunkan sistem sosial di Malaysia. Beliau menekankan bahawa penyertaan sukarelawan dalam sektor sukarela adalah sangat terhad serta menghadapi krisis kekangan dana/kewangan yang teruk.

Sudah menjadi kebiasaan apabila sesuatu perkara atau isu timbul sering kali masyarakat umumnya akan menunding jari dan memperlekehkan pihak kerajaan; dengan itu kerajaan telah mengambil inisiatif dalam memupuk dan membangunkan semula semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia melalui penambahbaikan dalam aktiviti sukarelawanan yang melibatkan golongan belia. Pada tanggal 15 Julai 2012, sebanyak RM 100 juta dijadikan sebagai Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRe1M) serta program 1Malaysia For Youth (iM4U) (Laporan Ekonomi 2012/2013, 2012). Jabatan Pengajian Tinggi pula telah menyasarkan pelaksanaan kursus kokurikulum berkredit di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seawal sesi pengajian 2010/2011 sejak bulan September 2008 (Jamaludin et al., 2009). Kursus berkredit ini merupakan kursus wajib bagi membolehkan pelajar bergraduasi. Antara salah satu subjek kokurikulum dalam Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah teras kesukarelawanan yang diletakkan dalam kelompok U4 yang bermatlamat untuk mendidik serta melatih pelajar IPT dalam kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal (Wardatul Aishah Musa & Nooraini Othman, 2014).

Maka, penyelidikan ini dilakukan untuk memberikan gambaran dan pemahaman terhadap isu dan senario berkaitan penglibatan belia dalam kesukarelawanan. Kemungkinan dapatan kajian ini akan memberi pendekatan dan jawapan terhadap pernyataan masalah yang dinyatakan dan memberi idea kepada belia di Kuala Lumpur khasnya tentang tanggungjawab dan peranan mereka sebagai agen penggerak utama dalam kerja sukarela. Selaras dengan matlamat yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Belia Negara iaitu ingin mewujudkan belia Malaysia yang bersemangat untuk melibatkan diri dalam kerja sukarela. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan berguna kepada badan bukan kerajaan (*NGO; Non Government Organisation*), institusi keagamaan yang menyatakan bahawa menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sukarelawan berbakti di rumah-rumah ibadat serta golongan pendidik sebagai sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka untuk merangka semula strategi terbaik bagi memantapkan segala aspek dan keperluan dalam melahirkan sukarelawan yang berkualiti, proaktif dan kreatif dalam menangani isu dan konflik kemasyarakatan serta kemanusiaan yang menumpukan terhadap idea pencegahan dan pembangunan terhadap golongan yang dibantu. Cadangan penambahan terhadap silibus kesukarelawanan di peringkat prasekolah perlu diambil kira agar pendedahan, pengertian serta kepentingan kerja sukarela itu disemai pada peringkat awal kanak-kanak lagi dan bukannya hanya diberi penekanan setelah berada di institusi pengajian tinggi.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif berikut:

- (a) Mengenal pasti penglibatan belia dalam kesukarelawan memberi impak yang positif.

## SOROTAN KAJIAN LAMPAU

Bahagian ini membincangkan aspek berikut.

### *Kesukarelawan*

Kesukarelawan merujuk kepada perlakuan aktiviti secara sukarela iaitu tiada kontrak, tanggungjawab kekeluargaan atau persahabatan antara sukarelawan dengan golongan yang dibantu, dilaksanakan untuk manfaat orang lain, masyarakat secara keseluruhan atau organisasi tertentu, tidak dibayar dan dilaksanakan dalam konteks yang teratur (Cnaan et al., 1996; Dekker & Halman, 2003; Wilson, 2000). Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengiktiraf kesukarelawan sebagai aktiviti yang dijalankan bukan bertujuan untuk mendapatkan ganjaran kewangan, namun penghargaan berbentuk token dibenarkan. Definisi ini digunakan oleh majoriti negara-negara di dunia termasuk di United Kingdom dibawah seliaan Russell Commission on Youth Action and Engagement (National Youth Agency, 1995). Menurut Lai, Ren, Wu & Hung (2013), kesukarelawan adalah manifestasi tingkah laku prososial dan ditakrifkan sebagai perbuatan yang sedia untuk memberi khidmat kepada orang selain daripada saudara terdekat.

Menurut Turiman Suandi (2009) kesukarelawan adalah satu tindakan membantu yang dilakukan oleh seseorang individu yang begitu bernilai kepadanya dan pada waktu yang sama tidak ditujukan untuk mendapatkan imbuhan material atau dipaksa oleh orang lain. Terdapat empat unsur definisi kesukarelawan iaitu keikhlasan, pendidikan, pengupayaan dan penglibatan (Azimi Hamzah & Turiman Suandi, 1994). Kesukarelawan juga meliputi pertubuhan dan gerakan sosial, sukarelawan, pembangunan sukarelawan, pelbagai aktiviti dan khidmat sukarela (seperti dalam bidang-bidang kebajikan, pemulihan, pembangunan, pendidikan, keselamatan, kesihatan, pemuliharaan alam sekeliling, kepenggunaan dan lain-lain), ilmu tentang pelbagai aspek kesukarelawan, kemahiran-kemahiran yang diperlukan sukarelawan, pengurusan sukarelawan, pengurusan pertubuhan sukarela, kepemimpinan sukarela dan sebagainya (Azizan Bahari, 2011).

Kesimpulannya, kesukarelawan adalah aktiviti, program atau khidmat yang dirancang dan dilaksanakan secara ikhlas dan sukarela. Seharusnya aktiviti, program atau khidmat kesukarelawan bukan sahaja akan memberi manfaat kepada individu, komuniti, masyarakat sasaran yang dibantu tetapi ia juga mendatangkan impak positif kepada sukarelawan itu sendiri. Impak positif terhadap sukarelawan yang merangkumi pendedahan serta pengalaman yang berkaitan dengan kerjaya seseorang, peningkatan terhadap harga diri, dapat mengurangkan perasaan negatif, mengukuhkan hubungan sosial, amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan, kecerdasan emosi iaitu keupayaan untuk mengawal, menilai, meluahkan emosi dan menggunakan emosi dalam menyelesaikan masalah serta pemahaman terhadap isu, konflik serta permasalahan golongan yang dibantu terutamanya mereka yang terlibat dalam gejala negatif.

### ***Peranan Kesukarelawanan dalam menangani Konflik Kemasyarakatan dan Kemanusiaan***

Menurut Siti Hajar et al. (2012) bekas banduan, golongan gelandangan, penagih arak dan dadah, kaki judi, pekerja seks, pembawa *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS) dan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV), remaja bermasalah dan berisiko, kanak-kanak mangsa penderaan, isu penceraian, orang kurang upaya (OKU), komuniti *Lesbian, Gay, Biseksual and Transgender* (LGBT), orang tua yang dipinggirkan serta pendatang tanpa izin sering dianggap sebagai kumpulan masyarakat yang bermasalah dan sering disisihkan. Fariza Md Sham (2006, hh. 3-24) mendapati bahawa konflik ini berlaku akibat pemberontakan emosi dan jiwa serta desakan untuk mencari ketenangan serta ditambah dengan faktor persekitaran dan kemajuan teknologi yang melunturkan nilai tradisi (Ahmad Redzuwan et al., 2002). Bangkit dengan kesedaran itu, pelbagai pertubuhan seperti Skwad Sukarelawan 1 Malaysia, Kelab Putra 1 Malaysia, Sukarelawan Alumni Pelatih Khidmat Negara (PLKN), iM4U, MERCY Malaysia, MyCorps dan seumpamanya (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012), ditubuhkan sebagai penggerak organisasi sukarela yang bertujuan menangani masalah sosial; membantu golongan yang kurang bernasib baik, yang terpinggir dan *underserved* dan menyediakan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibekalkan dengan secukupnya oleh sistem yang ada, sama ada oleh agensi kerajaan atau pasaran perniagaan (Saifuddin Abdullah, 2001) untuk meringankan beban yang ditanggung oleh golongan yang perlu dibantu.

Atas kesedaran ini, pertubuhan/agensi serta orang perseorangan menawarkan bakti dan khidmat sebagai sukarelawan agar kelompok yang disisihkan dapat dibantu, dirawat dan dipulihkan. Menurut Pierson (2001) golongan ini dikategorikan sebagai individu kelas bawahan yang mengalami masalah untuk memajukan diri disebabkan oleh pelbagai penafian sosial. Namun golongan ini tidak seharusnya dilabel, didiskriminasi dan terus disisihkan. Mereka berhak mendapat pendidikan yang berkualiti, mempunyai peluang untuk meningkatkan kapasiti dan membangunkan diri, agar menjadi warganegara yang menyumbang (Azizan Bahari, 2014). Bagi individu yang terlatih dalam bidang perkhidmatan manusia, mereka melihat semua insan mempunyai aset yang boleh dimajukan dan sekiranya kelompok yang tersisih ini tidak dibela, mereka akan menjadi golongan antisosial, psiko dan bermasalah dalam masyarakat (Siti Hajar et al., 2012).

Bagi Azizan Bahari (2016) kesukarelawanan memainkan peranan untuk menjaga kesejahteraan masyarakat dan penyambung kepada ketamadunan manusia. Seseorang yang melibatkan diri dalam kesukarelawanan adalah mereka yang mempunyai keprihatinan sosial, semangat juang yang tinggi, cintakan alam sejagat dan sanggup berkorban untuk kebaikan dan kebajikan orang lain. Altman dan Feighery (2004) berkata penglibatan belia dalam kerja sukarela dapat menjauhkan diri mereka daripada aktiviti anti-sosial serta tingkah laku jenayah dan membuat mereka bertanggungjawab menjaga maruah keluarga, masyarakat dan nama baik negara (Ludden, 2011). Amalan murni kesukarelawanan akan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih selamat kepada belia, keluarga dan juga masyarakat, terutamanya dalam mengurangkan *fear of crime* (perasaan takut terhadap jenayah) di dalam komuniti serta melahirkan keyakinan masyarakat terhadap keprihatinan dan tanggungjawab kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan aman (Unit Perancang Ekonomi, 2004)

Kesimpulannya, penglibatan belia dalam kesukarelawanan memberi impak terbaik daripada aspek pembentukan personaliti, keperibadian, jati diri, nilai, kepercayaan serta motivasi dan menjadikan mereka sebagai ikon/model/ccontoh terbaik kepada belia lain serta menjadi agen sosial terbaik dalam membantu pihak kerajaan untuk mengurangkan kos dalam membaik pulih prasarana akibat perbuatan vandalisme, tanggungan dalam pengurusan pusat pemulihan akhlak/dadah serta penjara.



## KAEDAH KAJIAN

Bahagian ini membincangkan aspek berikut.

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kualitatif kerana pengkaji ingin memahami situasi kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur secara mendalam. Ini selaras dengan pandangan Denzin dan Lincoln (1994) yang menyatakan bahawa kaedah lain kurang berjaya mencungkil masalah yang rumit dan kompleks secara mendalam.

### *Sampel Kajian*

Dalam kajian kualitatif, persampelan bertujuan digunakan agar individu yang dijadikan sampel kajian dapat memberikan maklumat secara terperinci (Creswell, 2008). Dalam kajian ini, enam orang belia dijadikan sebagai responden kajian secara sukarela, seperti mana pernyataan Verma dan Mallick (1999) bahawa kajian kes tidak memerlukan sampel yang besar dan biasanya melibatkan sekumpulan kecil orang atau individu. Dukes (1984) mencadangkan antara tiga hingga 10 orang subjek.

Responden dipilih berdasarkan kateria umur di antara 15 tahun sehingga 40 tahun berdasarkan tajuk kajian yang menumpukan golongan belia seperti yang dihuraikan dalam definisi istilah. Tahap pendidikan minima untuk pemilihan responden adalah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta mahasiswa yang berada di Institut Pengajian Tinggi (IPT) kerana dalam sorotan kajian menyatakan bahawa mahasiswa yang berada di IPT dikehendaki melakukan kerja sukarela/khidmat masyarakat untuk memenuhi syarat kursus pengajian/graduasi.

Tiada penetapan terhadap kateria jantina kerana kajian ini tidak menumpukan perhatian terhadap dapatan perbandingan jantina atau demografi responden. Kajian ini memberi responden peluang menjelaskan dengan lebih lanjut pemahaman dan amalan mereka terhadap kesukarelawanan hasil daripada pengalaman peribadi mereka sendiri menceburkan diri dalam kesukarelawanan selaras dengan objektif kajian. Enam orang responden yang terlibat dalam kajian ini diberi keterangan dengan teliti tentang peranan mereka dalam kajian. Semua responden yang terlibat dalam kajian ini adalah belia berbangsa Melayu yang beragama Islam. Setiap responden diberikan kod pengenalan diri (R1, R2, R3, R4, R5 dan R6) sebagai etika untuk menjaga hak dan kerahsiaan identiti semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden telah diberi penjelasan bahawa segala maklumat yang diperolehi adalah untuk tujuan kajian sahaja dan tidak akan didedahkan kepada pihak lain.

Penerangan ringkas mengenai latar belakang setiap responden kajian diberi dalam Jadual 1.

Jadual 1 : *Latar Belakang Responden*

Indeks responden	Tahap pengajian	Umur	Jantina	Etnik
R1	Mahasiswa jurusan Sarjana Muda Sains	22	Perempuan	Melayu
R2	Mahasiswa jurusan Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat	34	Perempuan	Melayu
R3	Mahasiswa jurusan Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak	21	Perempuan	Melayu
R4	Mahasiswa tahun akhir Sarjana Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	24	Lelaki	Melayu
R5	Sijil Pelajaran Malaysia	36	Lelaki	Melayu
R6	Mahasiswa jurusan Sarjana Muda Teknologi Maklumat	20	Perempuan	Melayu

### *Instrumen Kajian*

Kajian ini memilih kombinasi kutipan data daripada kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen (media sosial) bagi mengukuhkan dapatan kajian, sebagaimana yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994), Yin (1994), Marshall dan Rossman (1995) serta Ramsay dan Silverman (2002) agar data yang dikumpul diperolehi daripada pelbagai sumber di mana kaedah triangulasi dipilih sebagai cara untuk mengumpulkan data terhadap tingkah laku manusia (Cohen et al., 2008).

Hasil kajian berbentuk naratif dan deskriptif yang disokong dengan petikan kata-kata responden kajian yang diperolehi menerusi kaedah temu bual, dokumentasi (media sosial; *Facebook*, *Whatsapp*) dan pemerhatian. Responden juga diberi kebebasan untuk menarik diri pada bila-bila masa, jika mereka berasa tidak selesa. Setelah responden bersetuju dan faham mengenai prosedur kajian, pengkaji mengurus surat persetujuan dan kerahsiaan (*Informed Consent Form*). Selaras dengan pendapat Creswell (2008), pengkaji perlu menghormati hak responden kajian. Maka, semua responden telah diberikan hak untuk membuat pilihan secara rasional untuk melibatkan diri dalam kajian ini.

### *Analisis Kajian*

Kajian ini tidak mengguna sebarang perisian komputer bagi membuat analisis. Komputer tidak diguna untuk analisis kerana tidak mampu menggantikan kebolehan manusia untuk membaca, mentranskripsi dan menterjemah bahan bertulis (Krippendorff, 2004). Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah triangulasi dalam menentukan kebolehpercayaan dan kesahan data, proses mengutip data menggunakan lebih daripada satu teknik dan instrumen adalah lebih baik kerana dapat mengatasi



beberapa kelemahan yang ada serta memperlihatkan hasil dapatan kajian yang lebih tekal dan diyakini berbanding dengan menggunakan satu kaedah pungutan data sahaja.

Dalam kajian ini, bentuk soalan temu bual yang dijalankan adalah soalan semi-struktur, semua soalan dan sesi temu bual telah dijalankan menggunakan bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta. Pengkaji hanya melakukan pemerhatian kepada keseluruhan aktiviti yang dijalankan. Media sosial menjadi nadi penggerak utama kepada beberapa orang responden di mana pengkaji telah dijemput menyertai kumpulan sukarela yang melibatkan responden menerusi aplikasi media sosial seperti *Whatsapp* dan *Facebook*. Didapati aplikasi ini digunakan untuk berhubung dan menjadi penggerak utama dalam mengemas kini status dan perancangan aktiviti/program kerja sukarela responden. Media sosial digemari oleh golongan belia sebagai alat perhubungan, pengiklanan, perkongsian kisah hidup dan luahan perasaan (Whittaker & Gillespie, 2013). Penerangan ringkas mengenai perolehan data triangulasi adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: *Bilangan pemerhatian, temu bual dan dokumentasi yang dilakukan ke atas responden.*

Teknik	R1	R2	R3	R4	R5	R6
Temu bual (minit)	5.50	8.41	5.45	15.37	27.31	12.11
Pemerhatian (minit)	930	420	258	498	60	180
Dokumen (media sosial)	7	10	15	15	15	3

## DAPATAN KAJIAN


Kod telah memudahkan penyelidik untuk mendapatkan semula dan menyusun data ke dalam pelbagai kategori yang berkaitan dengan soalan dan tema kajian. Dalam hubungan ini pengkaji telah memastikan kod yang dibentuk mempunyai suara yang sama dengan data seperti yang disyorkan oleh Boeije (2010). Pengkaji telah menyediakan satu senarai kod tema seperti dalam Jadual 3 (sebahagian sahaja).

Jadual 3: *Pengekodan Tema Muhasabah Diri*

Pengekodan tema	Responden	Tema
...so kita <i>reflect</i> balik diri kita muhasabah balik ok (S2T1)	R1	Muhasabah diri
...mengubah perspektif kita tentang tentang tentang manusia (S2T1)	R2	
...menyebabkan saya lebih bermuhasabah (S2T1)	R3	
... <i>just be happy with what you have...</i> muhasabah (S2T1)	R6	

Dapatan kajian ini diterangkan seperti sub tajuk berikut.

Jawapan responden terhadap soalan kajian ini, dibahagikan kepada beberapa tema antaranya tema dapatan kajian menyentuh tentang muhasabah diri, gaya hidup sihat, prihatin, kemahiran diri dan meluaskan kenalan (Rujuk rajah 1). Dapatan tema dihuraikan satu per satu.



Rajah 1. Impak penglibatan belia dalam kesukarelawanan.

### ***Muhasabah Diri***

Bermuhasabah diri kerana kesukarelawanan mendedahkan responden kepada nasib dan persekitaran kehidupan golongan yang kurang bernasib baik. Responden 1, Responden 2, Responden 3 dan Responden 6 menyatakan tentang tema muhasabah diri dan nilai apabila mula melibatkan diri dalam kesukarelawanan Berikut merupakan beberapa komen yang telah diberikan oleh para responden:

Responden 1: ... Macam kita *reflect* la muhasabah, ok aku ada so aku tak boleh la nak merungut sebab orang lain lagi susah daripada aku, macam fikir kita...kita fikir kita susah tapi kita tak fikir pun ada orang yang lagi susah dari kita. [BS1SKET/temubual/19.12.2014]

Responden 1 memuatkan status berkenaan program anak yatim di sebuah masjid di Kuala Lumpur, di mana responden menyatakan betapa tabah dan kuatnya golongan anak yatim berkenaan berbanding dengan dirinya. [Facebook/dokumen/23.11.2014]

Ketika ditemui pada sesi pemerhatian yang pertama, Responden 2 sedang giat melakukan misi pengumpulan pakaian terpakai untuk pelarian Syria, kerana sambutan yang menggalakkan responden telah mengagihkan pakaian terpakai terutama baju sejuk, selimut serta selipar untuk golongan gelandangan yang kebetulan turut berada di tempat pengumpulan tersebut. Baginya rezeki itu perlu dikongsi bersama [CentralMarket/pemerhatian/6.12.2014]

Pengkaji sempat menemui Responden 3 semasa beliau mengajar kanak-kanak di pusat perlindungan kanak-kanak di kawasan Chow Kit bagaimana membuat 'sushi'. Sepanjang sesi pembelajaran Responden 3 tidak pernah mengeluh dan melayan kerenah kanak-kanak. Selepas sesi pembelajaran, Responden 3 sempat berbual dengan pengkaji dan menyatakan beliau bertuah dan bersyukur diberikan kesempatan oleh Allah untuk berbakti dan menunaikan tanggungjawabnya kepada mereka yang memerlukan [Suraukolej/pemerhatian/1.3.2014]

Responden 6 telah terlibat dalam sebuah program mengedarkan makanan kepada golongan gelandangan. Beliau begitu bersemangat dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diberikan dan melakukan tugasannya dengan baik. [CentralMarket/pemerhatian/16.5.2015]

Responden 6 menyatakan ada di kalangan gelandangan yang ditemui berkata antara sebab mereka menjadi gelandangan adalah kerana kemiskinan dan ditipu oleh agensi pekerjaan. Responden 6 menyatakan kekesalan dan pendapat beliau dengan nasib yang menimpa golongan gelandangan yang menerima ujian hebat daripada Allah.

[Whatsapp/dokumen/18.5.2015]

Responden 6 menyatakan apa yang dilakukan pada hari tersebut merupakan cara untuk beliau mengubati jiwa agar sentiasa bersyukur dengan nikmat hidupnya yang serba sempurna.

Secara ringkasnya, responden kajian menyatakan bahawa melibatkan diri dalam kesukarelawanan telah memberi kesedaran untuk mereka bermuhasabah diri, lebih bertanggungjawab, insaf dan bersikap positif kerana berasa bersyukur dengan kehidupan yang dilalui berbanding orang yang hidup dalam kesempitan dan tertekan, misalnya kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang berisiko, gelandangan dan mangsa peperangan.

### ***Gaya hidup sihat***

Penyataan ini disuarakan oleh Responden 3, Responden 4, Responden 5 dan Responden 6 bahawa pembabitan mereka dalam kesukarelawanan bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada golongan yang dibantu tetapi juga kebaikan kepada mereka sendiri. Misalnya, masa yang diluahkan dalam perancangan, proses dan pelaksanaan kerja sukarela dapat menghindari mereka daripada terjebak dengan gejala sosial seperti melepak serta mempunyai pemikiran yang matang. Impak positif ini juga dikatakan dipengaruhi oleh pergaulan bersama sukarelawan yang dijadikan sebagai idola/ikon:

Responden 3: ...tak perlu menghabiskan masa masa saya melepak di shopping kompleks aaa.. atau pun sentiasa keluar dengan kawan-kawan dan yang akan menyebabkan duit saya habis. [Suraukolej/temubual/24.12.2014]

Responden 4: ...impak positifnya kita lebih mendewasakan diri kita pada umur yang sangat muda aa... [MasjidJamekKL/temubual/3.1.2015]

Selaku pengasas sebuah pertubuhan belia, dengan usia yang muda Responden 4 telah terlibat dengan pelbagai klien dalam kerja sukarela. Banyak program serta aktiviti kesukarelawanan yang dilakukan dikongsi bersama di media sosial; Facebook. Antara program kebajikan yang dilaksanakan adalah *Free Market*, program bersama remaja juvana dan remaja perempuan terlanjur dan lawatan terhadap pesakit kanser. [Facebook/dokumen/Jan-Dis2014]

Responden 5 telah berkongsi ilmu menjadi usahawan sosial dan bagaimana untuk menjadikan bidang kesukarelawanan sebagai kerjaya (kerja sosial) dengan pelajar yang mengambil subjek khidmat masyarakat di sebuah Institusi Pengajian Awam di Kuala Lumpur. Selain membuat perkongsian bagaimana untuk menceburkan diri dalam kerja sukarela, beliau juga membawa pelajar-pelajar khidmat masyarakat berkenaan ke lapangan dan mengajar bagaimana untuk berkhidmat sebagai seorang sukarelawan yang berdedikasi dan komited. Responden 5 juga sering memperkenalkan pelajar yang terlibat kepada kenalan beliau antaranya, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia [UniversitiMalaya/pemerhatian/3.6.2015] [Titiwangsa/pemerhatian/17.10.2015]

Responden 6: ...*you can* bergaul dengan orang-orang yang positif *because* mesti orang yang sukarelawan ni dia orang *very* positif dia orang kurang masalah sosial *aa you* bekerja dengan dia orang... *you then socialiasse extra with* bekerja dengan orang yang ada disiplin, yang tak de masalah sosial *then your life more* teratur [BS1SKET/temubual/20.3.2015]

Kesimpulannya, penglibatan responden dalam kesukarelawanan dapat menjauhkan mereka daripada terjebak dengan gejala negatif, lebih berdisiplin, menjalani kehidupan yang lebih teratur dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat. Responden mendedahkan pengalaman penglibatan mereka dalam kesukarelawanan telah memantapkan pemikiran dan membuat mereka bertindak secara rasional serta menanam sifat sabar.

### ***Prihatin***

Penglibatan belia dalam kesukarelawanan dikatakan sebagai antara landasan terbaik untuk berbuat bakti. Dapatan kajian mendapati Responden 1, Responden 3 dan Responden 4 merasa puas hati serta mempunyai keyakinan diri apabila dapat membantu golongan sasaran. Beberapa orang responden turut menyatakan pandangan mereka yang tidak senang untuk berdiam diri terhadap tekanan dan kesusahan yang dilalui oleh sesetengah golongan yang dipinggirkan. Misalnya, dua orang belia yang memberi tumpuan khusus terhadap isu keciciran dari sekolah dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan belia di jalanan/kawasan 'gelap' dan berisiko. Mereka menganggap ini merupakan tanggungjawab mereka untuk meletakkan kepentingan individu yang tercicir daripada menerima pendidikan dan membantu golongan tersebut untuk keluar dari kepompong negatif.

Responden 1, sanggup bangun seawal jam 4 pagi untuk melakukan kerja sukarela yang melibatkan tugas pembungkusan makanan, menyusun pakaian terpakai, *street feeding* dan kerja pembersihan masjid. Kerja sukarela ini dilakukan setiap hari Ahad; responden menyatakan beliau gembira dapat melakukan kerja sukarela sementara rakan sebayanya sedang nyenyak tidur [MasjidJamekKL/pemerhatian/7.12.2014]

Responden 3 berkata penglibatan beliau dalam kesukarelawanan telah banyak mengubah persepsinya terhadap golongan yang sering diprejudiskan:

Responden 3: untuk melihat keadaan sekeliling... kalau saya tak terlibat dalam kerja sukarelawan ni, saya tak tau apa yang terjadi di sekitar saya. Contohnya, seperti *homeless* atau pun masyarakat dan kanak-kanak di (sebuah kawasan yang dilabel sebagai kawasan berisiko di ibu kota)... Ada kalanya kita, dengar ... sahaja...ooo tempat yang kotor atau pun yang sebaliknya. Tapi bila kita berada di tempat tu, kita tahu kehidupan mereka yang sebenar, kita tahu apa yang mereka lalui pada hari-hari yang sebenar [Suraukolej/temubual/24.12.2014]

Sebagai seorang peneraju sebuah dan ahli jawatan kuasa di beberapa (*NGO; Non Government Organization*) Responden 4 banyak memuat naik status di media sosial (*Facebook*) mengenai projek dan misi yang diketuainya. Misalnya, *The Giving Project 2015* dan program *Subuh Feeding* yang diadakan pada setiap hari Ahad. Hebahan ini dilakukan untuk mendapatkan dana berbentuk kewangan dan sokongan sebagai tenaga sukarela daripada kenalan media sosialnya [Facebook/dokumen/4.01.2015]

Responden berpendapat penglibatan mereka secara langsung dalam kesukarelawanan bukan sahaja membuatkan mereka peka terhadap dilema sosial tetapi berusaha untuk menangani konflik serta melaksanakan perancangan dan perubahan terhadap isu dan konflik kemanusiaan dan kemasyarakatan.

### ***Kemahiran diri***

Penglibatan belia dalam kesukarelawanan bukan semudah yang disangka kerana pelaksanaan kerja-kerja kesukarelawanan menghendaki diri mereka menyusun atur banyak strategi dan komitmen terhadap proses dan keperluan dalam membantu golongan sasaran seperti yang dihuraikan oleh Responden 4, 5 dan 6.

Responden 4 juga mempunyai minat dan pengalaman dalam bidang pendidikan. Di mana Responden 4 aktif mengajar tuisyen kepada kanak-kanak dan remaja daripada golongan asnaf. Beliau juga merupakan seorang sukarelawan yang mengajar subjek matematik di King Cross Community Center, London. Beliau juga tercalon dalam senarai '2016 Teach for Malaysia Fellowship'. Walaupun Responden 4 mengikuti kursus pengajian dalam bidang kejuruteraan, beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang pendidikan. Responden 4 menerangkan bahawa beliau mempunyai impian untuk bergelar seorang pensyarah satu hari nanti [Facebook/dokumen/21.2.2015 & 15.6.2015]

Responden 5:... *self development* untuk pembangunan sahsiah diri itu sendiri sangat positiflah jadi mana kita diterapkan dengan nilai-nilai seperti ... *passion*, kehairahan dan kita ada *belief* kepercayaan ini mungkin implikasi yang belaku apa mana yang kita boleh buat kita percaya ok *can be done* maka kita akan usaha dan usaha ... implikasi pada sayalah terlibat dalam kesukarelawanan ini saya banyak belajar tentang strategi. [Victoria Institution Old Boys' Association (VIOBA)/temubual/1.1.2015]

Manakala bagi Responden 6, melalui pemerhatian di media sosialnya [Facebook/dokumen/09.05.2015] beliau telah memenangi pertandingan *MyAppsTec2015 Gold Medals (Category A)* menerusi program *Resdim (Flood Relief Supply Distribution Management Mobile App)*; Responden 6 juga merupakan salah seorang pelajar cemerlang peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2011. Beliau menyatakan bahawa kesukarelawanan merupakan *platform* terbaik untuk beliau belajar dan mendapat pengalaman untuk menempuh alam pekerjaan kelak.

### **Meluaskan kenalan**

Penglibatan dalam perancangan serta perlaksanaan dalam kerja sukarela mendedahkan individu atau sesebuah kumpulan kepada individu atau kumpulan lain yang sehaluan atau daripada aliran pemikiran yang berbeza. Kesukarelawanan menjadi satu onkologi untuk mengeratkan hubungan di antara satu sama lain serta pergaulan bersama masyarakat. Mereka berpeluang meningkatkan kemahiran interpersonal, meluaskan rangkaian sosial serta kenalan. Bagi Responden 2 dan Responden 5, melibatkan diri dalam kesukarelawanan, mereka telah menjalin ikatan *ukhuwah*. Seramai 256 orang dalam senarai *Whatsapp Group* yang diterajui oleh Responden 2 [Whatsapp/dokumen/31.7.2015]. Data temu bual Responden 2 juga menghuraikan kerja sukarela yang dilakukan tidak terbatas dilakukan di Malaysia sahaja. Misalnya, bantuan yang telah disalurkan oleh Responden 2 bersama rakan-rakan (NGO; *Non Government Organization*) beliau kepada mangsa peperangan di Syria, misi kemanusiaan di Kemboja dan Myanmar.

Responden 2 telah menjemput pengkaji serta rakan-rakan media sosial untuk sama-sama menyertai program yang melibatkan kanak-kanak pelarian Rohingya di sebuah pusat perlindungan yang terletak di Jalan Ipoh. Banyak sumbangan yang dapat dikumpulkan daripada rakan-rakannya. Antaranya beras, ayam, sardin (tin), gula, garam, sos masakan, minyak masak, pakaian, makanan serta duit derma. Sepanjang program berlangsung dari jam 10.00 pagi kanak-kanak pelarian Rohingya dilayan dengan pelbagai aktiviti dan hadiah. Kanak-kanak serta guru mereka disaji dengan pelbagai makanan dan minuman sehingga pada jam 3.00 petang kanak-kanak masih lagi dijamu dengan minum petang apabila Responden 2 memberitahu bahawa masih ada rakan-rakan yang menghubungi beliau dan mahu menghantar pelbagai sumbangan [PusatPerlindungan/pemerhatian/19.4.2015]

Manakala data temu bual daripada Responden 5 [Victoria Institution Old Boys' Association (VIOBA)/temubual/1.1.2015] menyatakan rangkaian yang luas banyak membantu responden yang

memerlukan sokongan peribadi untuk merancang hala tuju untuk menjadikan peluang kesukarelawanan sebagai usahawan sosial sepenuh masa. Beliau sering kali dijemput sebagai penasihat kerja-kerja sukarela di pelbagai kementerian dan kenalannya juga merangkumi mereka yang berada di luar negara, misalnya di Indonesia dan United Kingdom.

Kesimpulannya, kesukarelawanan antara kaedah yang dapat menghubungkan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk sama-sama berkongsi idea dalam menjayakan kesedaran dalam kempen kerja-kerja kemanusiaan dan kemasyarakatan. Pemuafakatan ini akan melahirkan sebuah masyarakat penyayang dan negara demokrasi yang aman dan harmoni.

## PERBINCANGAN

Brennan et al. (2007) membuat kesimpulan bahawa belia yang terlibat dalam pembangunan masyarakat mempunyai potensi dalam penyelesaian masalah dan berkemahiran membuat keputusan serta cemerlang menjadi seorang pemimpin. Memperkasa belia dengan melibatkan mereka dalam aktiviti kemasyarakatan yang mempunyai banyak impak yang positif. Mereka mendapat pendedahan berinteraksi dengan golongan yang lebih dewasa. Ini bererti mereka akan tahu adab dalam berkomunikasi serta pergaulan dengan komuniti. Secara tidak langsung ini akan membangunkan kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan isu-isu kompleks yang mereka hadapi dalam proses melaksanakan aktiviti kesukarelawanan. Pendedahan ini ternyata memberikan impak positif kepada belia terutamanya daripada segi kelebihan pengalaman, kematangan, pemikiran dan kemandirian (Jufitri Joha, 2010). Selaras dengan dapatan kajian daripada StreetGames (2014), belia bersetuju bahawa penglibatan mereka dalam kesukarelawanan telah meningkatkan kemahiran organisasi, lebih berdisiplin dan bertanggungjawab, kemahiran interpersonal, kepimpinan dan tolenrasi.

Penglibatan dalam kesukarelawanan memperlihatkan belia diberi ruang untuk memelihara kepentingan dan kesejahteraan pelbagai sektor dalam komuniti tempatan yang cuba untuk mempengaruhi dasar dan keseimbangan antara pelbagai pihak yang dikatakan sebagai amalan proses demokrasi (Azizan Bahari, 2016). Penyertaan ini juga memperlihatkan kebangkitan perasaan dan semangat patriotisme yang dibangkitkan melalui kempen-kempen dalam kesukarelawanan seperti amalan hidup sihat, pemuliharaan alam sekitar, perlindungan haiwan yang hampir pupus, bantuan kepada mangsa bencana alam dan pemerdagangan manusia, memperjuangkan nasib kanak-kanak, pembangunan komuniti terpinggir dan sebagainya.

Antara ciri-ciri yang dituntut dalam khidmat sukarela adalah sikap rendah diri, bersedia untuk menyumbang, persepsi dan personaliti yang positif terhadap golongan yang ingin dibantu, faham tentang konsep kesukarelawanan, berkeinginan tinggi untuk belajar dan tidak mudah berasa kecewa sekiranya bantuan dan pertolongan tidak mendapat pengiktirafan golongan yang dibantu mahupun masyarakat (Azizan Bahari, 2009, hh. 9-10). Amatan pengkaji juga mendapati agak sukar untuk seseorang yang ingin melakukan aktiviti sukarela di tempat berisiko seperti pusat-pusat perlindungan wanita, remaja dan kanak-kanak serta sekolah pemulihan atas dasar faktor kerahsiaan sedangkan tempat ini merupakan minat sesetengah mereka yang ingin berkhidmat. Kesukaran ini sedikit sebanyak membantutkan mereka untuk kekal minat dalam bidang kesukarelawanan, begitu juga terjadi apabila segelintir NGO memberi sempadan dan arahan berkaitan kerja sukarela yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Ada juga sukarelawan berkata, antara pertimbangan mereka untuk melakukan kerja sukarela adalah bukan sekadar untuk menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan tetapi juga adalah ikhtibar dan kesan yang mereka akan dapat daripada perlaksanaan kerja sukarela berkenaan.

Maka pertimbangan, perancangan, pelaksanaan, usaha serta promosi perlu dijalankan secara konsisten oleh semua pihak agar nilai murni melalui kesukarelawanan dapat disemai, dipupuk, dibaja dan



mendapat sambutan dalam kalangan belia dan bukannya diungkapkan sekadar 'melepaskan batuk di tangga' atau 'sekadar hangat-hangat tahi ayam'. Banyak lagi usaha-usaha terhadap kajian dan penulisan dalam kesukarelawanan perlu diberi tumpuan serta pengiktirafan kepada ikon-ikon belia yang telah mengharumkan nama Malaysia di mata dunia dalam kesukarelawanan yang diharap akan dapat merekrut rakan sebaya (*peer group*) mereka untuk terlibat sama dalam kesukarelawanan. Penilaian menunjukkan bahawa hubungan positif mentor dalam kesukarelawanan mempengaruhi hubungan baik sesama rakan sebaya, ibu bapa, pencapaian akademik yang cemerlang dan lebih menghargai diri (Aseltine et al., 2000; DuBois et al., 2002; Grossman & Tierney, 1998). Saifuddin Abdullah (2001) menyatakan bahawa kesukarelaan masih mendapat tempat dan menjadi amalan dalam masyarakat di Malaysia, cuma banyak penyelidikan dan implimentasi perlu dilakukan supaya kesukarelawanan dijadikan sebagai budaya hidup.

Sudah tiba masanya juga untuk negara mengeksport sukarelawan belia ke luar untuk berbakti di negara-negara yang amat memerlukan bantuan sekaligus mempelajari ilmu dan teknik yang mendalam berkaitan kesukarelawanan sekaligus belia-beli ini dapat mempelajari ilmu, teknik, kehendak dan kemahiran yang diperlukan dalam mengaplikasikan kesukarelawanan. Delgado (2002) menegaskan tumpuan pembangunan belia positif adalah bermatlamat untuk menentukan keperluan dan minat belia dan membina serta melahirkan generasi pemimpin negara yang gemilang pada masa hadapan. Maka, golongan belia perlu disedarkan bahawa kemampuan, peranan, idea, suara serta penyertaan mereka tidak dipandang remeh dan sepi dalam pembangunan komuniti menerusi kerja sukarela dalam membentuk jati diri, memartabatkan nama negara sebagai negara contoh yang harmoni walaupun hidup dalam pelbagai agama, bangsa dan kepercayaan, kepada merekalah terletak segala harapan dan pencatutan untuk meneruskan legasi kecemerlangan negara. Pengkaji berpendapat kajian yang mengaitkan golongan belia dengan pendekatan yang lebih positif perlu dipertingkatkan agar golongan ini dapat diangkat sebagai sumber kekuatan dalam menjana masa depan negara.

## PENUTUP

Kesukarelawanan dilihat sebagai satu bentuk amalan sosial yang menghubungkan individu dengan individu yang ingin melakukan sesuatu yang memanfaatkan manusia dan makhluk lain. Seterusnya individu/kumpulan yang mempunyai pemikiran dan matlamat yang sama ini akan menubuhkan organisasi yang mendokong matlamat mulia untuk membantu, memulih, membangunkan serta memperkasakan golongan yang kurang bernasib baik atau komuniti yang terpinggir. Sokongan yang padu dari pelbagai lapisan terutamanya daripada orang perseorangan, pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO; *Non Government Organization*) dalam memastikan kesukarelawanan diangkat sebagai budaya hidup dalam kalangan belia seharusnya perlu ada dan dipupuk dalam diri setiap manusia. Aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada aplikasi keusahawanan sosial perlu digerakkan secara lebih meluas sebagai satu nadi penting sumbangan belia dalam membantu kegiatan pembangunan ekonomi dan sosial khususnya masyarakat di Malaysia. Dengan itu, terdidiklah jiwa kepada simpati dan ihsan, harmonilah masyarakat dengan perihatin dan kasih sayang dalam merealisasikan pembangunan masyarakat yang mampan.

## RUJUKAN

- Ahmad Fauzi Mustafa. (2015, Januari 6). Ada [masa sukarelawan berlajar di lokasi banjir](#). BH Online. [Versi Elektronik]. Dimuat turun daripada <http://www1.bharian.com.my/node/27360>
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus et al. (2002). Belia dan tuntutan berdakwah. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial, Belia dan NGO: Isu, peranan dan strategi*. 13 hingga 15 Ogos, Kuala Lumpur. Universiti Utara Malaysia
- Altman, D., & Feighery, E. (2004). Future directions for youth empowerment: Commentary on application of youth empowerment theory for tobacco control. *Health Education and Behavior*, 31(641), 641-647.
- Aseltine, R. H., Dupre, M., & Lamlein, P. (2000). Mentoring as a drug prevention strategy: An evaluation of across ages. *Adolesc. Fam. Health*, 1, 11–20.
- Aziz Deraman. (1984). *Belia dan budaya*. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Azimi Hamzah, & Turiman Suandi. (1994). Pendidikan berterusan. *Majalah Pengembangan*, 17(2).
- Azizan Bahari. (2009). *Menjadi sukarelawan*. Petaling Jaya: Qarya.
- Azizan Bahari. (2010). Permasalahan sosial dalam kalangan pelajar: Keperluan kepada kerja sosial dalam pendidikan. *Prosiding Seminar Kerja Sosial dalam Pendidikan*. 10 – 11 Mei 2010, Sintok, Universiti Utara Malaysia.
- Azizan Bahari. (2011). *Belia dan Kesukarelawanan*. [Versi Elektronik]. Di muat turun 11 November 2013 daripada <http://www.sukarelawanmalaysia.com/v1/artikel-teks/pembentangan/122-Belia-dan-Kesukarelawanan.html>
- Azizan Bahari. (2014). *Permasalahan sosial remaja belia: Usaha menanganinya melalui pendekatan kerja komuniti*. Jurnal tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Perlis.
- Azizan Bahari. (2016). *Kesukarelawanan*. Kangar: Pustaka Qarya.
- Boeije, Hennie. (2010). *Analysis in qualitative research*. Los Angeles, CA: SAGE.
- Brennan, M. A., Barnett, R. V., & Lesmeister, M. (2007). Enhancing local capacity and youth involvement in the community development process. *Journal of Community Development*, 38(4), 13-27.
- Brewis, G., Hill, M., & Stevens, D. (2010). *Valuing volunteer management*. London: Institute for Volunteering Research.
- Cnaan, R.A. & F. Handy, M. Wadsworth. (1996), Defining who is a volunteer: Conceptual and empirical considerations. *Nonprofit Volunt. Sect. Q.*, 25, 364–383
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2008). *Research methods in education* (6th Ed.). London, UK: Routledge.

- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson.
- Danny Wong. (2011, May 30). Spirit of volunteerism must live on. *Borneo Post Online*.
- Dekker, P. & Halman, L. (2003). Volunteering and values. An Introduction. In Paul Dekker and Loek Halman (Eds.), *The values of volunteering. Cross-cultural perspective* (pp. 1-17).
- Delgado, M. (2002). *New frontiers for youth development in the twenty-first century: Revitalizing and broadening youth development*. New York: Columbia University Press.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (1994). *Handbook of qualitative research*. London: Sage.
- DuBois, D. L., Holloway, B. E., Valentine, J. C., & Cooper, H. (2002). Effectiveness of mentoring programs for youth: A meta-analytic review. *American Journal of Community Psychology, 30*, 157-197.
- Dukes, S. (1984). Phenomenological methodology in the human sciences. *Journal of Religion And Health, 23*(3), 197-203.
- Dzuhailmi, D., Steven Eric, K., Azimi, H., & Abd. Hadi, S. (2014). Pegangan agama dalam kalangan belia pelbagai kaum di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities, 9*(1), 117-130.
- Faezah Yunus (Pnyt.). (2006). *Khidmat sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fariza Md Sham. 2006: *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Grossman, J. B., & Tierney, J. P. (1998). Does mentoring work? An impact study of the big brothers big sisters. *Evaluation Review, 22*, 403-426.
- Hill, M., & Russell, J. (2009). *Young people, volunteering and youth projects: A rapid review of recent evidence*. London: IVR.
- Hussain Mohamed. (1986). *Gerakan belia di Malaysia*. Shah Alam, Malaysia: Gateway.
- Hussin, Z., & Mohd Arshad, M. R. (2012). Altruism as motivational factors toward volunteerism among youth in Petaling Jaya, Malaysia 225-229. IPEDR.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2013). *Laporan tahunan 2013*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih & Norhafezah Yusof. (2009). *Pembangunan pelajar: Memperkasakan kokurikulum institusi pengajian tinggi*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jasmin Arif Shah., Turiman Suandi., Siti Raba'ah Hamzah., & Ismi Arif Ismail. (2015). Why youths choose to become volunteers: From the perspective of belief. *Athens Journal of Social Sciences, 2*(1).

- Jufitri Joha. (2010, Ogos 12). Agenda transformasi belia melalui Hari Belia Antarabangsa. *Utusan Online*. Dimuat turun daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0812&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_05.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0812&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm)
- Jufitri Joha. (2010). Hari belia antarabangsa dan agenda transformasi belia negara. [Versi Elektronik]. Di muat turun daripada <http://gptd-spain.blogspot.m/2010/08/hari-belia-antarabangsa-dan-agenda.html>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2012). *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Putrajaya.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An introduction to its methodology*. (2nd Ed.) Thousand Oaks, CA: Sage.
- Laporan Ekonomi 2012/2013. [Versi Elektronik]. Dimuat turun daripada [http://www.moh.gov.my/images/gallery/publications/md/hi/hi\\_2012.pdf](http://www.moh.gov.my/images/gallery/publications/md/hi/hi_2012.pdf)
- Lili, Wang & Robert, F. Ashcraft. (2014). Organizational commitment and involvement: Explaining the decision to give to association. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 43(2), 61-83.
- Ludden, A. B. (2011). Engagement in school and community civic activities in rural adolescents. *Journal of Youth Violence*, 40, 1254-1270.
- Majlis Belia Malaysia. (2010). *Hala tuju Majlis Belia Malaysia 2010-2012*. Kertas Kerja dibentangkan pada Majlis Perundingan Belia Negara. Jabatan Perdana Menteri: Putrajaya.
- Marshall, Catherine & Rossman, Gretchen. (1995). *Designing qualitative research* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis: An expanded sourcebook*. Beverly Hills. CA: Sage Publication.
- Mohd Rizal Mohd Sham. (2014). Transisi usia belia: Rasional dan persediaan generasi muda. *Buletin Fakta*, 4, 6.
- NatCen (National Centre for Social Research), Institute for Volunteering Research, University of Southampton, University of Birmingham and Public Zone. (2011). *Formative evaluation of v: The national young volunteers' service*. London: NatCen.
- National Youth Agency. (2006). Young people's volunteering and skills development. [Electronic Version]. Retrieved on 5 June 2015 from <http://dera.ioe.ac.uk/6643/1/RW103.pdf>
- Norshafawati Abd. Azimi. (2014). Aspirasi kepimpinan belia. *Buletin Fakta*, 4, 1.
- Pierson, J. (2001). *Tackling Social Exclusion*. London: Routledge.
- Ramsay, J. O., & Silverman, B. W. (2002). *Applied functional data analysis: Methods and case studies*. New York, NY: Springer-Verlag.

- Saifuddin Abdullah. (2001). *Gerakan kesukarelaan menjana perubahan bermakna*. Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia.
- Salamon, Lester M. (1992). *America's Nonprofit Sector: A Primer*. New York: Foundation Center.
- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria & Haris Abd Wahab. (2012). Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: ke arah pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari*, 4(2), 29-44.
- Siti Hawa Ali. (2002). *Volunteerism and the Development of Malaysian Social Care System*. School of Health Science, University Science Malaysia.
- StreetGames (2014) *The Impact of CSYV programme – evaluation report for year six, 2012 – 2013*, [Electronic Version]. Retrieved on 7 September 2016 from <http://www.streetgames.org/www/sites/default/files/streetgames%20briefing%20paper%20-%20eval%20report%202014.pdf>
- Syed Arabi A., Mohd Sahari N. & Nik Ahmad H. (2007). *Belia tidak berpersatuan*. Laporan kajian yang tidak diterbitkan. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Turiman Suandi. (2009). *Volunteerism expanding the frontiers of youth development*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Unit Perancang Ekonomi. (2004). *Kualiti kehidupan Malaysia*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Verma, G. K., & Mallick, K. (1999). *Researching education. Perspectives and techniques*. London, UK: Falmer Press.
- Wardatul Aishah Musa & Nooraini Othman. (2014). Kesedaran sendiri terhadap aktiviti kokurikulum dan keberkesannya kepada remaja. *Proceeding of the Social Sciences Research*. Kota Kinabalu, Sabah. Dimuat turun 2 Disember 2015 daripada [http://worldconferences.net/proceedings/icssr2014/toc/papers\\_icssr2014/IC%20213%20WARDATUL%20AISHAH%20BT%20MUSA%20-%20KESEDARAN%20KENDIRI%20TERHADAP%20AKTIVITI%20KOKURIKULUM%20DAN%20KEBERKESANANNYA%20KEPADA%20REMAJA.pdf](http://worldconferences.net/proceedings/icssr2014/toc/papers_icssr2014/IC%20213%20WARDATUL%20AISHAH%20BT%20MUSA%20-%20KESEDARAN%20KENDIRI%20TERHADAP%20AKTIVITI%20KOKURIKULUM%20DAN%20KEBERKESANANNYA%20KEPADA%20REMAJA.pdf)
- Whittaker, L., & Gillespie, A. (2013). Social networking sites: Mediating the self and its communities. *Journal of Community & Applied Social Psychology* 23(6), 492-504
- Wilson, J. (2000). Volunteering *Annu. Rev. Sociol.* 26(1), 215–240.
- Yin, R. (1994). *Case study research: Design and methods* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Zakariah Md. Sam. (2009, Disember). Hari sukarelawan antarabangsa. *Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*, 4, 1.